

Sistem e-Tanah 2.0 Negeri Melaka

eTANAH



Majlis Pengesahan Bengkel *Business Requirement Specification* (BRS) bagi Sistem e-Tanah 2.0 Negeri Melaka pada 26 Julai 2025 di Dusit Princess Hotel, Melaka.

PENDIGITALAN DOKUMEN HAKMILIK DALAM SISTEM e-TANAH



OBJEKTIF

Membangunkan dan mendigitalkan sistem pentadbiran tanah elektronik Jadual 16 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) dan sistem hakmilik strata elektronik Jadual 6 Akta Hakmilik Strata 1985 (AHS) untuk pentadbiran tanah negeri yang lebih efektif, telus dan selamat.



Tukar Ganti hakmilik Jadual 14 KTN kepada Jadual 16 KTN - Proses tukar ganti adalah berdasarkan Perenggan 7 Jadual 16 KTN

- Semua dokumen hakmilik hendaklah ditukar ganti dengan pengesahan tandatangan digital.
- Dokumen hakmilik yang disediakan dalam **Borang 5Be, 5Ce, 5De, 11Ae**, atau **1Be** mengikut mana yang berkenaan.
- Dokumen hakmilik komputer hendaklah disertakan dengan pelan Borang **B1e** atau **B2e** mengikut mana yang berkenaan dengan pengesahan tandatangan digital.
- Membuat nota pembatalan ke atas dokumen hakmilik yang ada.



Tukar Ganti hakmilik daftaran AHS kepada Dokumen daftaran strata berkomputer Jadual Keenam AHS

- Semua dokumen hakmilik hendaklah ditukar ganti dengan pengesahan tandatangan digital.
- Dokumen Daftar Strata berkomputer yang disediakan dalam Borang **2e, 3e, 4e** atau **4Ae** mengikut mana yang berkenaan.
- Dokumen daftar Strata hendaklah disertakan **Borang 5e** beserta pelan hakmilik Strata dengan pengesahan tandatangan digital.
- Membuat nota pembatalan ke atas dokumen hakmilik yang ada. (Akta Hakmilik Strata 1985)

JADUAL 16 (KTN) & JADUAL 6 (AHS)



Tandatangan
Digital



Pangkalan
Data Tanah



Dokumen
Hakmilik
Komputer



Sistem
Pentadbiran
Tanah Elektronik



Dokumen
Simpanan Daftar
Secara Digital


Petikan Dari Jadual 16

Kanun Tanah Negara 1965

Penukaran Dokumen Kepada Hakmilik Daftaran Komputer

Apabila mula berkuat kuasa Sistem Pendaftaran Tanah Elektronik di pejabat Pendaftaran Tanah, Pendaftar hendaklah menukarkan dokumen-dokumen hakmilik daftaran yang ada kepada dokumen hakmilik komputer dan hendaklah disahkan di bawah tandatangan digitalnya.

Suatu dokumen hakmilik daftaran yang ada hendaklah terus berkuatkuasa dan sah bagi semua maksud Kanun ini sehingga dokumen hakmilik komputer disediakan dan disahkan oleh Pendaftar.



Carian Elektronik

Selepas mula berkuat kuasanya Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik, mana-mana carian elektronik hendaklah terpakai kepada carian tanah persendirian menurut Seksyen 384.

Kandungan Dokumen Hakmilik Komputer Hendaklah Ditetuskan

Selepas Pendaftar menentukan bahawa suatu instrumen adalah layak untuk pendaftaran menurut peruntukan-peruntukan Bab 3 Bahagian Lapan Belas atau bahawa apa-apa perkara lain hendaklah dimasukkan dalam dokumen hakmilik komputer, beliau hendaklah menentukan kandungan dokumen penentuan dan jika beliau berpendapat bahawa dokumen penentuan itu lengkap, beliau hendaklah mengesahkan dokumen itu menggunakan tandatangan digitalnya.



Pusat Pemulihan Bencana

Pusat Pemulihan Bencana hendaklah bertindak sebagai pangkalan data tanah Pejabat Pendaftaran dalam masa-masa bencana bagi suatu tempoh, seperti yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Negeri, apabila Pejabat Pendaftaran gagal menyambung operasi perniagaan biasanya.


Status Kemajuan

Bil.	Aktiviti Utama Projek	(#)	% Mengikut Pencapaian Sebenar	% Weightage	% Kemajuan Pelaksanaan
1.	Business Requirement Specification	●	97.1	20	19.4
2.	Pembangunan Sistem Aplikasi	●	27.6	25	6.9
3.	Pengujian Sistem Aplikasi	●	0.00	20	0.0
4.	Perkhidmatan Pengurusan Data	●	15.7	15	2.3
5.	Pengurusan Perubahan dan Latihan	●	25.9	10	2.6
6.	Infrastruktur	●	35.3	10	3.5

(#) Detunjuk Status
 ● Selesai
● Perancangan / Ikut Jadual
● Lewat
● Perlu Kawalan

Status kemajuan projek secara keseluruhan sehingga 4/7/2025 : **34.8%**

Jadual Pelaksanaan



Petunjuk:
◆ Pencapaian Utama
● Kemajuan Projek
CM - Change Management
PAT - Pre-Acceptance Test

BRS - Business Requirement Specification
 DMS - Data Management Service
 UAT - User Acceptance Test

FAT - Final Acceptance Test
 EAT - Equipment Acceptance Test

Status kemajuan projek secara keseluruhan sehingga: **04/07/2025**

Perkhidmatan Pengurusan Data(DMS)

Objektif utama Perkhidmatan Pengurusan Data adalah untuk menyediakan data-data dan maklumat-maklumat yang betul, tepat dan bebas daripada ralat bagi kegunaan Sistem e-Tanah.

Dalam memastikan aktiviti-aktiviti ini dilakukan dengan betul, tepat dan berkesan serta memenuhi keperluan dan piawai *standard* data di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Negeri Melaka. Satu garis panduan utama (SOP) mesti diwujudkan dan harus dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.



PENGURUSAN PERUBAHAN

Change Management (CM)

Pengurusan Perubahan merupakan satu pasukan yang penting dalam memastikan pelaksanaan Sistem e-Tanah 2.0 dilaksanakan dengan jayanya. Empat (4) objektif utama Pengurusan Perubahan :

1. Memastikan kesedaran dan pemahaman mengenai Sistem e-Tanah 2.0 di kalangan pihak yang berkepentingan.
2. Mempercepatkan penerimaan Sistem e-Tanah 2.0 semasa peringkat pelaksanaan.
3. Menggalakkan usaha yang bersepadu dan komprehensif daripada semua pihak terhadap pelaksanaan Sistem e-Tanah 2.0.
4. Memastikan komitmen dari semua pihak dan menjadikan perubahan ini sebagai budaya kerja baru yang memberi impak positif dan progresif.



Fokus & Skop Tanggungjawab

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

(STAKEHOLDER: INTERNAL & EXTERNAL)

PENGURUSAN AKTIVITI KOMUNIKASI

(FACE TO FACE, PAPER BASED & TECHNOLOGY BASED)

PENILAIAN IMPAK PERUBAHAN

(CHANGE IMPACT ASSESSMENT - CIA)

PENGURUSAN LATIHAN

(KHAS KEPADA PENGGUNA SISTEM e-TANAH)

Kaji Selidik Kesediaan Perubahan

Change Readiness Survey(CRS)

Kaji Selidik Kesediaan Perubahan diadakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan kesediaan pihak berkepentingan dalam menyokong dan memberi kerjasama terhadap pelaksanaan Sistem e-Tanah 2.0. Kajian ini juga sebagai penunjuk aras tahap kesediaan perubahan PTG dan PDT Negeri Melaka serta mekanisme untuk menangani sebarang kebimbangan dan isu berbangkit secara berkala dan berperingkat.

Objektif Kaji Selidik

1. Menilai tahap kesediaan Pihak Berkepentingan mengubah, melaksana dan menyokong pelaksanaan projek.
2. Menangani sebarang kebimbangan dan isu berbangkit secara berkala dan berperingkat.
3. Mendapatkan data maklumat untuk perancangan dan tindakan seterusnya.

Borang Maklum Balas Kaji Selidik

Kaji Selidik ini adalah kombinasi soalan yang dibahagikan kepada empat (4) bahagian :

Bahagian 1

Menilai pemahaman pihak berkepentingan mengenai projek

Bahagian 2

Menilai sejauh mana penglibatan pihak berkepentingan

Bahagian 3

Menilai sejauh mana pihak berkepentingan bersedia untuk melaksanakan projek

Bahagian 4

Menilai sejauh mana kaedah komunikasi yang berlaku kini

Menilai kaedah komunikasi yang paling digemari dengan efektif dan memberi maklum balas, komen, kebimbangan atau cadangan berkaitan projek.

Aktiviti e-Tanah

RENOVASI KAUNTER SPOC

PDT Melaka Tengah





BENGKEL PENGESAHAN **BUSINESS REQUIREMENT SPECIFICATION (BRS) SESI 1** SISTEM e-TANAH 2.0 MELAKA



10 - 13 Jun 2025



Park Royal A'Famosa Melaka





BENGKEL PENGESAHAN **BUSINESS REQUIREMENT SPECIFICATION (BRS) SESI 2** SISTEM e-TANAH 2.0 MELAKA

 23 - 26 Jun 2025

 Dusit Princess Hotel, Melaka





Mesyuarat

KICK OFF SISTEM e-TANAH 2.0 NEGERI MELAKA

 13 Jun 2025
  Bilik Mesyuarat Intan, PTG Melaka



AKAN DATANG

***Penilaian Impak
Perubahan(CIA)***

***Single Point of Contact
(SPOC)***

Apakah

- ▶ ***User Acceptance Test (UAT)***
- ▶ ***Provision Acceptance Test (PAT)***
- ▶ ***Final Acceptance Test (FAT)***



**Koleksi
Buletin e-Tanah 2.0
Negeri Melaka**

Sila Imbas kod OR